



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PEMIKIRAN KASSIM AHMAD MENGENAI ISLAM**

**IZWAN BIN MOHD ALI**

**FEM 2020 6**



**PEMIKIRAN KASSIM AHMAD MENGENAI ISLAM**

Oleh

**IZWAN BIN MOHD ALI**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Ijazah Master Sains**

**Disember 2019**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

## PEMIKIRAN KASSIM AHMAD MENGENAI ISLAM

Oleh

IZWAN BIN MOHD ALI

Disember 2019

**Pengerusi** : **Amini Amir Bin Abdullah, PhD**  
**Fakulti** : **Ekologi Manusia**

Kassim Ahmad telah dikenal pasti sebagai individu yang menolak hadis sebagai sumber hukum. Banyak fatwa yang telah diwartakan tentang pemikiran sesat beliau. Kajian-kajian lepas turut mengklasifikasikan beliau sebagai anti hadis. Namun begitu, kebanyakan kajian lepas tentang beliau hanya menumpukan kepada persoalan hadis sebagai sumber rujukan kedua selepas al-Quran dan menggunakan kaedah analisis kandungan sahaja. Oleh itu, penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk meneroka pemikiran beliau mengenai Islam dengan menumpukan kepada kaedah tafsir, hujah-hujah penolakan hadis dan pandangan beliau berhubung perkara-perkara *ghaibiyat*. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, penyelidik telah menemu bual informan secara bersemuka dengan menggunakan kaedah temu bual semi-struktur. Dapatan kajian menghasilkan tiga tema utama iaitu 1) Metodologi tafsir al-Quran Kassim Ahmad, 2) Pandangan Kassim Ahmad berkenaan autoriti hadis, dan 3) Pemahaman Kassim Ahmad berkenaan perkara-perkara *ghaibiyat*. Secara kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa pemikiran beliau bertentangan dengan ajaran Islam kerana menolak autoriti hadis sebagai sumber rujukan kedua dalam Islam termasuk penggunaannya dalam penafsiran al-Quran dan penjelasan tentang perkara-perkara *ghaibiyat*.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

## **KASSIM AHMAD'S THOUGHT ON ISLAM**

By

**IZWAN BIN MOHD ALI**

**December 2019**

**Chair** : **Amini Amir Bin Abdullah, PhD**  
**Faculty** : **Human Ecology**

Kassim Ahmad has been identified as an individual who rejects the hadith as a legal source. Many fatwas have been gazetted about his perverted thoughts. Recent studies have classified him as anti-hadith. However, most of previous studies focused on the question of hadith as the second source of references after the Quran and used content analysis methods only. Therefore, this research was conducted to explore his thoughts on Islam by focusing on the Quran interpretation, arguments of the hadith refusal and his views on supernatural matters (*ghaibiyyat*). Using a qualitative approach, researcher interviewed informants face-to-face using semi-structured interviews. The findings of this study yielded three main themes: 1) Kassim Ahmad's Quranic interpretation methodology, 2) Kassim Ahmad's views on hadith authority, and 3) Kassim Ahmad's understanding of supernatural matters (*ghaibiyyat*). In conclusion, this study found that his thought was contrary to Islamic teachings for rejecting the authority of the hadith as the second source of references in Islam including its use in the interpretation of the Quran and explanations of supernatural matters (*ghaibiyyat*).

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Tuhan sekalian alam. Syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan Inayah-Nya dapat disiapkan tesis ini. Kesyukuran juga dizahirkan kepada-Nya kerana telah memberi kekuatan, kesihatan dan mempermudah segala-galanya sepanjang penghasilan tesis ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Dr. Amini Amir Abdullah selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan yang banyak memberikan bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang amat berharga sepanjang pengajian, moga Allah SWT membalas segala jasa baik beliau. Tidak dilupakan Dr. Fathiyah Mohd. Fakhruddin yang banyak membantu dan memberi motivasi serta tunjuk ajar yang amat berguna. Semoga ilmu yang dicurahkan akan dikira sebagai amal jariah yang mengalir pahalanya.

Kepada semua pensyarah dan staf di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia serta kepada semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Hanya Allah SWT sahaja yang layak membalas jasa baik kalian.

Akhir sekali, sekalung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu tercinta Almarhumah Hjh. Kamariah Binti Hj. Mohd Sham yang sentiasa memberi sokongan, dorongan dan sumber kewangan sepanjang pengajian ini. Tidak dilupakan isteri tercinta Nur Munirah Binti Md. Rasul dan kedua-dua anakanda Aliyya Tihani dan Aliyya Maisara. Segala pengorbanan, kasih sayang dan saling memahami tugas yang perlu dilaksanakan menjadi pendorong dan pencetus semangat dalam menyiapkan penulisan tesis ini. Semoga keluarga kita dalam lindungan Allah SWT dan bersama-sama mendapat keredhaan-Nya.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyelesaian adalah seperti berikut:

**Amini Amir bin Abdullah, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Fathiyah binti Mohd Fakhruddin, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 13 Ogos 2020

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbas dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: \_\_\_\_\_



## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: \_\_\_\_\_

## KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	viii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	x

### BAB

<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	3
	1.2 Pernyataan Masalah	9
	1.3 Fokus Kajian	12
	1.4 Objektif Kajian	12
	1.5 Persoalan Kajian	12
	1.6 Skop Dan Limitasi Kajian	13
	1.7 Definisi Istilah	13
	1.8 Kepentingan Kajian	15
	1.9 Ringkasan	16
<b>2</b>	<b>Sorotan Literatur</b>	17
	2.1 Kajian Pemikiran Tokoh	17
	2.2 Kajian Tentang Pemikiran Anti Hadis	22
	2.3 Kajian Pemikiran Kassim Ahmad Mengenai Islam	33
	2.4 Perkara-perkara <i>Ghaibiyat</i>	38
	2.5 Ringkasan	41
<b>3</b>	<b>Metodologi Kajian</b>	42
	3.1 Reka Bentuk Kajian	42
	3.2 Kaedah Pengumpulan Data	43
	3.3 Kesahan	45
	3.4 Persediaan Ke Lapangan Kajian	46
	3.5 Menghubungi Informan Dan Mendapatkan Akses Ke Lapangan	47
	3.6 Semasa Di Lapangan	47
	3.7 Analisis Data	50
	3.8 Ringkasan	53
<b>4</b>	<b>Hasil Kajian Dan Perbincangan</b>	54
	4.1 Latar Belakang Kassim Ahmad	54
	4.2 Tema	63
	4.2.1 Metodologi Tafsir Al-Quran Kassim Ahmad	63

4.2.1.1	Tafsiran Yang Bertentangan Dengan Majoriti	63
4.2.1.2	Penolakan Autoriti Ulama	74
4.2.1.3	Rujukan Yang Diharamkan	77
4.2.1.4	Tafsir Al-Quran Dengan Al-Quran	80
4.2.1.5	Tafsir Menggunakan Akal	82
4.2.2	Pandangan Kassim Ahmad Berkenaan Autoriti Hadis	93
4.2.2.1	Hadis Ciptaan Orang Terkemudian	93
4.2.2.2	Kesilapan Hadis Dalam Penafsiran	96
4.2.2.3	Pendapat Rasulullah SAW Boleh Jadi Betul Atau Salah	97
4.2.2.4	Penggunaan Hadis Hujah Yang Lemah	99
4.2.3	Pemahaman Kassim Ahmad Berkenaan Perkara-perkara <i>Ghaibiyat</i>	100
4.2.3.1	Tafsiran Persoalan <i>Ghaibiyat</i> Menggunakan Akal	101
4.3	Ringkasan	112
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN PENYELIDIKAN</b>	<b>113</b>
5.1	Rumusan Penyelidikan	113
5.2	Implikasi Penyelidikan	115
5.3	Cadangan Penyelidikan	117
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>119</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>128</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>190</b>
	<b>PENERBITAN</b>	<b>191</b>

## SENARAI SINGKATAN

SAW	sallallahu 'alaihi wasallam
SWT	subhanahu wa ta'ala
MUI	Majlis Ulama Indonesia
JAM	Jama'ah Al-Quran Malaysia
ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Ph. D	Doctor of Philosophy
NGO	Non-Governmental Organization
AS	'alaihi salam
SMS	short message service
APA	American Psychological Association
GAPENA	Gabungan Persatuan Penulis Nasional
SOAS	School of Oriental and African Studies
PRM	Parti Rakyat Malaya
MKI	Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia
RA	radhiallahu 'anhu

## BAB 1

### PENGENALAN

Islam sebagai agama dan cara hidup (*the way of life*) yang dibawa oleh Rasulullah SAW bersumberkan wahyu Allah SWT. Segala ajarannya lengkap terkandung dalam kitab suci al-Quran. Agama Islam juga merupakan satu-satunya agama yang diterima dan diredei oleh Allah SWT. Firman Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud:

“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredei) di sisi Allah ialah Islam” (Surah Ali ‘Imran, 3: 19).

Menurut al-Zuhaily (2007c), tiada agama yang diredei dan diterima oleh Allah SWT melainkan Islam. Agama yang menjadikan para rasul sebagai ikutan dalam tugas mereka sebagai utusan Allah SWT pada setiap zaman, sehinggalah kepada rasul yang terakhir iaitu Muhammad SAW. Menjadikan para rasul sebagai ikutan dalam erti kata mengikut setiap agama dan syariat yang dibawa oleh para nabi dan rasul.

Daripada sudut bahasa, *al-Islam* membawa makna “...menerima dan patuh apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW” (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, 2006: 1174). Dari segi literal (*harfiyyah*), perkataan Islam berasal daripada *aslama* yang membawa maksud *al-ta’ah wa al-khudu’* iaitu tunduk, pasrah dan berserah diri (*submission to God*). Namun begitu, dengan turunnya ayat 19 dan ayat 85 Surah Ali ‘Imran dan juga ayat 3 Surah al-Maidah, Islam telah menjadi nama bagi sebuah agama dan sistem kepercayaan (Khalif Muammar, 2015).

Islam, Iman dan Ihsan merupakan tiga perkara penting yang tidak boleh dipisahkan. Ketiga-tiganya dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang panjang. Suatu ketika, Rasulullah SAW didatangi seorang lelaki yang pakaiannya sangat putih dan rambutnya sangat hitam. Tiada tanda padanya kesan permusafiran dan tiada seorang pun di antara sahabat Baginda yang mengenalinya, datang untuk bertanyakan maksud Islam, Iman dan Ihsan. Lelaki yang dimaksudkan sebenarnya adalah Malaikat Jibril AS datang untuk mengajar para sahabat Baginda di masa itu. Apabila lelaki itu bertanya mengenai Islam, Baginda menjawab (maksudnya):

“Islam itu adalah engkau naik saksi bahawa tiada Tuhan yang sebenarnya melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah. Dan engkau dirikan solat, engkau keluarkan

zakat, engkau berpuasa di bulan Ramadan, engkau menunaikan haji di Baitullah jika engkau berkuasa melakukannya”. Lelaki itu berkata: “Benar” (Riwayat Muslim).

Apabila lelaki itu bertanya mengenai Iman dan Ihsan pula, Baginda menjawab (maksudnya):

“Engkau beriman kepada Allah, Malaikat-malaikat-Nya, Kitab-kitab-Nya, Rasul-rasul-Nya, Hari Akhirat dan beriman kepada takdir Allah, sama ada baik atau buruk”. Lelaki itu berkata: “Benar”. Lelaki itu berkata lagi: “Beritahulah aku mengenai Ihsan”. Jawab Baginda: “Engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihat-Nya. Jika engkau tidak dapat melihat-Nya, maka percayalah yang Dia melihat engkau” (Riwayat Muslim).

Segala panduan dan ajaran Islam dijelaskan oleh Rasulullah SAW. Baginda menjadi penjelas segala hukum agama dengan berpandukan kepada rujukan utama iaitu al-Quran. Dengan penjelasan Rasulullah SAW, umat Islam dapat mengamalkan segala suruhan Allah SWT seperti yang dikehendaki oleh-Nya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“(Kami utuskan rasul-rasul itu) membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang membuktikan kebenaran mereka) dan kitab-kitab suci (yang menjadi panduan); dan Kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya” (Surah al-Nahl, 16: 44).

Sumber ilmu utama dalam ajaran Islam terdiri daripada al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW yang merupakan penjelasan Baginda. Kedua-dua sumber ini dipersetujui dan menjadi rujukan oleh semua umat Islam (Hamdeh, 2011). Oleh itu, asas kepada syariah Islam terkandung dalam al-Quran dan sunnah sebagai sumber kedua terpenting yang menjadi pelengkap kepada al-Quran. Rasulullah SAW sebagai penafsir yang mengetahui dengan baik maksud-maksud firman Allah SWT (Nasr, 2003). Sunnah juga merupakan sumber dakwah, petunjuk, ilmu agama, kemanusiaan dan sosial bagi seseorang muslim (al-Qaradawi, 2000).

Sunnah bererti perkataan dan perlakuan Rasulullah SAW termasuk juga perbuatan para sahabat yang dipersetujui oleh Baginda (ar-Rahawan, 2012). Perkataan sunnah dan *jamaknya sunan* digunakan sebanyak enam belas kali manakala hadis sebanyak dua puluh tiga kali di dalam al-Quran. Perkataan sunnah dan hadis walaupun digunakan secara bergantian tetapi mempunyai sedikit perbezaan di antara kedua-duanya. Sunnah merangkumi cara hidup Rasulullah SAW dan hadis bermaksud periwatan kehidupan Rasulullah SAW. Kemungkinan bagi sesuatu hadis tidak mengandungi apa-apa sunnah di dalamnya atau sesuatu hadis boleh mengandungi lebih daripada satu sunnah (al-A'zami, 2010). Menurut Philips (2007), sunnah dalam ilmu hadis merujuk kepada apa-apa sahaja keterangan, tindakan, pengakuan, keterangan tentang fizikal atau peribadi Rasulullah SAW sebelum atau selepas kerasulan. Maksud ini membawa pengertian yang sama dengan hadis.

Para *mujtahid* dalam merumuskan hukum syarak terikat dengan kedua-dua sumber wahyu iaitu al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW (al-Zuhaili, 2005a). Oleh itu, kepentingan hadis atau sunnah dan peranannya dalam menjelaskan kandungan al-Quran tidak dapat dipertikaikan lagi.

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Di zaman moden ini, sebilangan besar umat Islam telah dipengaruhi oleh perkembangan pemikiran di Barat yang terus berkembang dengan menjadikan apa yang diterima oleh akal semata-mata sebagai pegangan (Ahmad Zaki, Abd. Nasir & Mohd. Yusof, 2006). Gerakan aliran pemikiran moden ini mula berkembang pada abad ke-19 dan 20 di kebanyakan dunia Islam dengan tujuan untuk melakukan pembaharuan dalam pemikiran umat Islam untuk bersaing dengan perkembangan pemikiran di Barat (Mohd al-Ikhsan & Faisal, 2010).

Kemunculan gerakan pemikiran moden ini yang dikenali sebagai modenisme bertujuan untuk melakukan pembaharuan dalam pemikiran umat Islam bagi membolehkan mereka menyaingi kemajuan Barat moden dengan seruan ke arah penafsiran semula sebahagian ajaran Islam atas nama pembaharuan dan pembaikan (*tajdid* dan *islah*). Terdapat dua corak utama pemikiran mereka iaitu bersifat cenderung kepada Barat agar umat Islam dapat menyesuaikan diri dan bersaing dengan dunia moden yang dipelopori Barat. Pendekatan mereka dengan membentuk semula pemikiran dan pendekatan Islam sesuai dengan piawai Barat. Manakala yang kedua bertentangan dengan yang pertama iaitu aliran pembaharuan yang menunjukkan penolakan terhadap Barat. Tujuan mereka untuk mengembalikan umat Islam kepada ajaran Islam yang sebenar yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan golongan *salaf*. Daripada gerakan moden yang pertama yang lebih cenderung kepada Barat telah melahirkan lebih banyak aliran pemikiran yang lebih longgar penafsirannya terhadap Islam. Daripadanya juga lahir idea pembukaan pintu *ijtihad* yang luas, melahirkan

golongan yang berfikir bebas dan menolak apa sahaja bentuk kewibawaan agama (Mohd Farid, 2014).

Secara umum terdapat empat aliran besar dalam pemikiran Islam iaitu: pertama, aliran pemikiran yang bersumberkan wahyu semata-mata, merupakan pegangan Rasulullah SAW, pengikut Baginda yang menjadi generasi awal Islam. Rujukan mereka hanyalah al-Quran dan sunnah Baginda. Kedua, aliran pemikiran yang bersumberkan wahyu (al-Quran dan sunnah) sebagai asas dan akal sebagai pembantu. Daripadanya lahir pelbagai mazhab dalam ilmu kalam, fiqh dan tasawuf. Kegiatan *ijtihad* juga berkembang pesat melalui pelbagai kaedah seperti *qiyas*, *ijma'*, *istihsan* dan sebagainya. Ketiga, aliran pemikiran yang bersumberkan akal sebagai asas dan wahyu sebagai pembantu. Aliran pemikiran ini terpengaruh dengan falsafah Yunani yang ditentang hebat oleh ulama Islam seperti Imam al-Syafie, Imam al-Ghazali, Syeikhul Islam Ibn Taimiyyah dan sebagainya. Keempat, aliran pemikiran yang bersumberkan akal semata-mata yang mewarisi tradisi Barat dan berfikir mengikut logik semata-mata. Hanya dua aliran yang pertama sahaja yang benar, yang telah dianuti oleh para ulama muktabar dahulu dan kini. Bagi dua aliran yang terakhir pula ianya tergolong ke dalam aliran yang sesat dan menyeleweng daripada kebenaran yang daripada kedua-duanya lahir aliran pemikiran yang sesat seperti liberalisme, anti hadis dan sebagainya (Mohd al-Ikhsan & Faisal, 2010).

Menurut Mohd. Zaidi (2012) sikap sebahagian umat Islam dibentuk daripada pemikiran-pemikiran yang sesat tersebut yang dinamakan oleh sesetengah pemikir gerakan Islam sebagai *al-ghazw al-fikr* (serangan pemikiran). Pemikiran mereka berkembang menjadi bebas dalam menafsirkan hukum-hukum Islam tanpa dipandu dengan nas-nas syarak. Mereka menolak hadis dan *ijma'* ulama yang menjadi sebahagian daripada *manhaj* (kaedah) dalam menafsirkan al-Quran. Khazanah warisan ulama silam diketepikan dengan memberi ruang kepada peranan logik akal dan rasional dalam menafsir apa sahaja yang berkaitan dengan Islam.

Menurut Faridi (2008) pula, ianya sudah menjadi kebiasaan di zaman moden bagi mereka yang berpendidikan Barat dalam negara-negara Islam mengakui bahawa mereka dapat menafsirkan semula ajaran-ajaran Islam dengan hanya merujuk kepada al-Quran semata-mata, menolak kepentingan sunnah Rasulullah SAW, sekaligus meruntuhkan asas-asas Islam yang telah dibina selama empat belas kurun.

Sebelum wujudnya corak pemikiran baru dalam Islam, aliran pemikiran dalam Islam yang pelbagai telah menatijahkan beberapa *firqah* (puak). Dalam hal ini Rasulullah SAW pernah bersabda (maksudnya):



“Orang-orang Yahudi telah berpecah kepada tujuh puluh satu *firqah*, atau tujuh puluh dua *firqah* dan orang-orang Nasrani seperti itu juga, umatku akan berpecah kepada tujuh puluh tiga *firqah*” (Riwayat al-Tirmizi).

Daripada tujuh puluh tiga *firqah* hanya satu *firqah* sahaja yang akan terselamat manakala selebihnya tergolong ke dalam *firqah* yang sesat. Sebahagian ulama telah mengkategorikan *firqah* yang sesat kepada enam *firqah* yang utama, setiap daripadanya mengandungi dua belas *firqah*, maka menjadikan kesemuanya tujuh puluh dua *firqah*. Enam *firqah* yang utama terdiri daripada *al-Hururiyah*, *al-Qadariyah*, *al-Jahmiyah*, *al-Murjiah*, *al-Rafidhah* dan *al-Jabariyah*. Daripada *firqah* yang utama ini wujud *firqah* lain umpamanya Syiah di bawah *firqah al-Rafidhah* dan Muktazilah di bawah *firqah al-Qadariyah* (Ibn al-Jauzi, 2007). Dengan latar belakang sejarah aliran pemikiran yang pelbagai dalam Islam yang agak panjang, penyelidik melihat lahirnya salah satu aliran pemikiran yang dikenali sebagai pemikiran anti hadis yang dibimbangi umat Islam kini.

Pemikiran anti hadis merupakan salah satu daripada aliran pemikiran baru dalam Islam. Walaupun ianya kelihatan seperti satu fenomena baru dalam dunia Islam, namun daripada sudut sejarah, idea penolakan hadis sebagai sesuatu yang berautoriti atau pemikiran golongan anti hadis sudah bermula sejak daripada zaman sahabat lagi. Seterusnya, pemikiran anti hadis berkembang pada zaman *tabi'in* yang seterusnya menular pada zaman Khalifah Umar ibn Abdul Aziz (63H-101H) dan pada zaman Imam al-Syafie (150H-204H), namun telah dapat ditangani oleh Imam al-Syafie (Abdul Karim, 2007a; Abdul Karim, 2007b; Zulkifli, 2014).

Sebuah buku tulisan Imam al-Syafie telah dihasilkan bagi menangani golongan ini yang bertajuk *Jima' al-'Ilm* yang membincangkan hal-hal berkaitan dengan hadis, *qiyas*, *ijma'*, *ikhtilaf*, *ijtihad* dan sebagainya. Buku tersebut merupakan sebuah penulisan pertama merakamkan kewujudan individu atau golongan yang menolak hadis dan juga turut merakamkan polemik yang telah berlaku antara Imam al-Syafie dengan golongan yang mempertikai, meragui dan menolak autoriti hadis Nabi Muhammad SAW. Bagi menangani golongan ini, Imam al-Syafie telah mengambil pendekatan *halaqah* pengajian dengan menjelaskan kepada orang ramai mengenai kesilapan yang telah dilakukan oleh golongan ini (Abdul Karim, 2007b).

Namun, ada di antara mereka yang mendengar penerangan Imam al-Syafie telah menyampaikan pula kepada golongan tersebut. Ekoran daripada senario ini, golongan tersebut telah mempertahankan pendirian mereka dan Imam al-Syafie telah mengadakan dialog ataupun debat untuk mencari kebenaran, bukannya mempertahankan pandangan. Imam al-Syafie berhujah dengan berdasarkan al-Quran dan hadis manakala golongan tersebut hanya

berpegang dengan al-Quran semata-mata dan akhirnya golongan tersebut akur dengan hujah yang telah diutarakan oleh beliau (Abdul Karim, 2007b).

Sebelum itu, ada golongan yang dikenali sebagai Muktaizilah yang menolak hadis sebagai sumber hukum dan cenderung menggunakan akal dalam menafsirkan al-Quran. Golongan ini timbul dan berpusat di Basrah, Iraq (Akmal, 1998). Ianya merupakan mazhab kalam sistematik yang pertama tumbuh daripada kumpulan ulama tradisional al-Quran dan hadis pada kurun ke-2 Hijrah/ke-8 Masihi. Pengasasnya dikenali sebagai Wasil bin 'Ata' (m. 131H/748M) yang merupakan pada asalnya murid kepada ulama sufi yang terkenal dalam bidang hadis iaitu Hasan al-Basri. Pada akhirnya beliau telah memisahkan diri daripada kumpulan pengajian gurunya dan menubuhkan kumpulan pengajiannya sendiri. Muktaizilah dilihat oleh pengkaji Islam di Barat sebagai rasionalis dan '*free thinkers*' (Nasr, 2007). Mereka mengatakan al-Quran itu makhluk (diciptakan dan bukannya kalam Allah SWT yang *azali*) dan menyangkal *al-ru'yah* (melihat wajah Allah SWT di akhirat kelak) (Ibn al-Jauzi, 2007).

Menurut Hamdeh (2011), golongan yang menolak hadis telah muncul dalam sejarah awal Islam dan hampir berkubur, namun dihidupkan semula pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20. Kebanyakan daripada mereka muncul dari benua kecil India. Di antara mereka yang menolak hadis di zaman moden ini adalah Syed Ahmad Khan (m. 1898M), Chiragh Ali (m. 1895M), Abdullah Chakralawi (m. 1914M), Khwaja Ahmed Din Amritsari (m. 1936M), Ghulam Ahmad Parwez (m. 1986M), Rashad Khalifa (m. 1990M), Muhammad Tawfiq Sidqi (m. 1920M), Mahmud Abu Rayya (m. 1970M), Jeffrey Lang, Ahmed Subhy Mansour dan Maurice Bucaille (m. 1998M).

Gerakan anti hadis di Amerika telah bermula daripada Seminar Misionari Kristian dan Yahudi pada 8 hingga 17 Jun 1983 oleh Dr. Rashad Khalifa yang membincangkan masalah 'Islam, Dahulu, Kini dan Akan Datang'. Beliau telah menyatakan bahawa hadis-hadis adalah buatan syaitan dan mempercayai hadis bermakna mempercayai buatan syaitan (Nahmar, 1986; Habeeb, 2006). Gerakan ini yang dipimpin oleh Dr. Rashad Khalifa di Amerika dan Eropah bermatlamat untuk memesongkan sarjana-sarjana Barat yang telah memilih Islam sebagai agama mereka dengan menjauhkan mereka daripada mendapatkan sumber Islam yang sebenar iaitu al-Quran dan sunnah. Beliau bukanlah seorang yang pakar dalam bidang pengajian Islam walaupun beliau seorang pendakwah tetapi perjuangannya adalah memerangi sunnah Rasulullah SAW dengan berganding bahu bersama dengan golongan Orientalis (Nahmar, 1986).

Di India dan Pakistan, gerakan anti hadis ini muncul dengan nama *Jami'iyah Ahli Qur'an* pada sekitar tahun 1906M yang diketuai oleh Abdullah Chakrawali dan Khawaja Ahmad Din. Gagasan yang dibawa oleh golongan ini termasuk al-

Quran sudah lengkap dan menolak hadis secara keseluruhan sebagai asas syariah. Dalam beberapa isu golongan ini menetapkan beberapa dasar agama berdasarkan pendapat sendiri. Antaranya isu pelaksanaan solat yang berlainan dengan yang diamalkan majoriti umat Islam, mengurangkan jumlah rakaat dalam solat dan membuang bacaan dalam solat yang mengikut pendapat mereka tiada dalilnya dalam al-Quran. Pemikiran golongan ini diteruskan pula oleh Ghulam Ahmad Parwez dan Sayyid Rafiuddin Multan, namun ditentang oleh para ulama seperti Muhammad Ismail as-Salafi, Abul 'Ala al-Maududi dan Muhammad Ayyub Dahlawi (Zikri, 2009).

Di Mesir, gerakan anti hadis dibawa oleh Muhammad Taufiq Shidqi. Tulisan beliau yang dimuat dalam majalah *al-Manar* mengandungi elemen anti hadis seperti perlakuan Rasulullah SAW bukan untuk diikuti oleh umat Islam dan berpegang dengan al-Quran sahaja sudah memadai. Pandangan beliau ini ditentang oleh ulama Mesir seperti Syaikh Ahmad Manshur al-Baz, Syaikh Thaha al-Bishri dan Syaikh Shalih al-Yafi'i (Zikri, 2009). Di Indonesia pula pada sekitar tahun 1980-an, telah wujud beberapa kumpulan yang menolak hadis atau menerimanya secara bersyarat walaupun sahih. Mereka dipanggil dengan gelaran Ingkar Sunnah yang diketuai oleh Ircham Sutarto dan kumpulan ini telah diisytiharkan sesat oleh Majlis Ulama Indonesia (MUI) pada 30 September 1983 (Juhaidi, 2013).

Di Malaysia, golongan anti hadis telah terpengaruh dengan ajaran Dr. Rashad Khalifa yang menyatakan bahawa keseluruhan al-Quran disusun berasaskan kepada 'Kod 19' iaitu angka kunci yang tidak boleh dibahagikan lagi (*indivisible number*). Menurut mereka, 'Kod 19' ini yang telah menunjukkan kemukjizatan al-Quran yang teragung dan bukannya seperti apa-apa yang telah dinyatakan oleh para ulama (Farahwahida, 2007).

Gerakan anti hadis muncul di Malaysia melalui pertubuhan Jama'ah al-Quran Malaysia (JAM) yang kemudiannya dikenali sebagai Forum Iqra' yang telah ditubuhkan pada 11 Jun 1995. Pertubuhan ini dipimpin oleh Kassim Ahmad dan beliau telah dikenal pasti sebagai golongan yang mempertikaikan hadis. Berkenaan dengan hal ini dapat dipastikan dengan merujuk kepada penulisan-penulisan mereka serta fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama negeri-negeri di Malaysia. Tujuan kumpulan ini ditubuhkan adalah untuk menyeru umat Islam khususnya di Malaysia dan seluruh dunia amnya agar kembali kepada ajaran al-Quran (Abdul Karim, 2007b).

Idea penubuhan Jama'ah al-Quran Malaysia ini telah dibawa oleh Kassim Ahmad pada 16 Mei 1993 di Rumah Persatuan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Secara rasminya ia bermula pada 11 Jun 1995 bertempat di Rumah Universiti, Universiti Malaya, Kuala Lumpur dengan tujuan untuk menyeru manusia berpegang kembali kepada ajaran Tuhan yakni al-Quran (Md Hasri, 2016). Menurut Kassim Ahmad (Komunikasi Personal (temu bual),

April 25, 2015), Jama'ah al-Quran Malaysia (JAM) ditubuhkan untuk menarik perhatian masyarakat supaya berpegang kepada al-Quran semata-mata tanpa melihat kepada hadis.

Berdasarkan laman web Jama'ah al-Quran Malaysia (2014), Jama'ah al-Quran Malaysia (JAM) telah ditubuhkan oleh sekumpulan rakyat yang beragama Islam di Malaysia pada 11 Jun 1995 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur dengan tujuan untuk menyeru umat Islam di Malaysia khususnya dan di seluruh dunia amnya agar kembali kepada ajaran Tuhan dalam kitab suci-Nya, al-Quran. Golongan ini telah menzahirkan doktrin dan gagasan mereka melalui Muqaddimah Perlembagaan JAM seperti berikut:

“Kami yakin bahawa sangatlah penting bagi umat Islam di Malaysia dan di seluruh dunia tampil ke hadapan untuk memikul tanggungjawab ‘umat pertengahan’ untuk memimpin manusia keluar dari kegelapan zaman jahiliah kini ke suatu zaman kebangkitan yang terang. Pada saat keruntuhan kedua-dua ideologi yang telah menguasai dunia selama tujuh dekad, Islam akan muncul semula untuk mengambil tempatnya yang sah dalam kehidupan manusia, seperti yang telah dijanjikan oleh Tuhan dalam Quran. Tetapi, sistem Islam yang bakal menggantikan tempat ideologi-ideologi ini ialah Islam yang berdasarkan ajaran-ajaran Ilahi yang telah disempurna dan dilengkapkan dalam Quran. Untuk mencapai tujuan agung ini, maka kami rakyat Malaysia yang sedar akan tanggungjawab kami bergabung tenaga untuk menubuhkan pertubuhan yang kami namakan Jema'ah al-Quran Malaysia. Walaupun kami menyeru umat Islam dan umat manusia kembali kepada ajaran Quran, kami pewaris yang sah bagi semua tamadun dan kami menerima warisan-warisan yang baik yang selaras dan tidak bertentangan dengan ajaran-ajaran Quran” (Laman Web Jama'ah al-Quran Malaysia, 2014).

JAM tidak dapat bergerak bebas seperti pertubuhan-pertubuhan lain kerana halangan undang-undang dan dalam masa dua tahun lebih aktiviti-aktivitinya terbatas kepada kumpulan-kumpulan diskusi untuk mengkaji ajaran Islam berdasarkan al-Quran dan menghasilkan artikel-artikel dalam akhbar, majalah dan juga untuk edaran sesama ahli (Laman Web Jama'ah al-Quran Malaysia, 2014).

Kemunculan golongan anti hadis ini telah mengharungi dua fasa utama. Fasa pertama telah dimulakan pada tahun 1985 oleh Kassim Ahmad sehingga tertubuhnya Forum Iqra' dan kumpulan manusia yang menyokong gerakan ini. Fasa kedua pula muncul sekitar tahun 2000 tanpa melibatkan pertubuhan yang

khusus namun ianya hanya melibatkan rangkaian laman-laman sesawang peribadi yang mengetengahkan pemikiran anti hadis. Mereka bukan sahaja menolak hadis, malah mendakwa ibadah yang dilakukan oleh umat Islam pada hari ini membawa syirik kepada Allah SWT manakala *ka'abah* dianggap sebagai berhala terbesar (Ahmad Sanusi, Mohd Yusuf & Zuhilmi, 2011).

Berdasarkan huraian di atas, pemikiran golongan anti hadis telah melalui sejarah yang agak panjang dan merebak ke seluruh dunia amnya dan di Malaysia khususnya. Pemikiran tersebut tidak berkubur bahkan perkembangannya masih berterusan sehingga ke hari ini yang menular ke dalam masyarakat dan mempengaruhi pemikiran sebahagian umat Islam. Di Malaysia, pemikiran ini dipegang dan disebar oleh individu yang bernama Kassim Ahmad dan menjadi pemimpin bagi sebuah pertubuhan iaitu Jama'ah al-Quran Malaysia (JAM) yang kemudiannya dikenali sebagai Forum Iqra'.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Dalam Islam, al-Quran dan hadis merupakan dua sumber utama dalam syariat dan menjadi petunjuk untuk seluruh umat Islam (Nasr, 2003; Hamdeh, 2011; Ar-Rahawan, 2012; Faisal, 2016). Para ulama *mujtahid* imam-imam mazhab empat yang utama seperti Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam al-Syafie dan Imam Ahmad bin Hanbal juga sepakat menjadikan hadis sebagai sumber kedua dalam syariat Islam selepas al-Quran (Zulkifli, 2013).

Di Malaysia, Kassim Ahmad telah dikenal pasti sebagai individu yang mempertikaikan hadis (Abdul Karim, 2007b). Pertuduhan anti hadis terhadap beliau telah dibuat sejak tahun 1986 oleh jabatan mufti negeri-negeri melalui beberapa fatwa yang telah diwartakan oleh negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Pahang (Wan Mohd Fazrul Azdi, Mohd Rumaizuddin, Mohd Azhar & Fikri, 2015). Dengan gesaan supaya umat Islam berpegang kepada al-Quran semata-mata tanpa melihat kepada hadis, beliau telah diisytihar sebagai anti hadis (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual), April 25, 2015).

Terdapat juga dua buah buku hasil tulisan beliau yang utama iaitu 'Hadis: Satu Penilaian Semula' dan 'Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik' telah difatwakan sebagai bertentangan dengan ajaran Islam dengan menolak hadis sebagai sumber akidah dan perundangan Islam. Individu atau kumpulan yang berpegang kepada ajaran-ajaran yang terkandung dalam kedua-dua bahan tersebut adalah sesat dan bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak Islam. Di antaranya fatwa negeri Pahang, Perak, Sarawak, Terengganu, Melaka, Pulau Pinang (Zulkifli, 2014) dan Selangor (Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2019). Dalam buku 'Hadis: Satu Penilaian Semula' dapat dilihat pemikiran anti hadis beliau dengan jelas. Buku setebal 131 halaman ini

merupakan ceramah-ceramah beliau dalam jurusan antropologi dan sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (Zikri, 2009).

Berdasarkan Senarai Judul Bahan Penerbitan Berunsur Islam Yang Diwartakan Perintah Larangan Hingga 2013 (2014), buku 'Hadis: Satu Penilaian Semula' berada di bawah perintah larangan pada 10 Julai 1986 dengan rujukan P.U (A) 223 dan buku 'Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik' pada 21 April 1994 dengan rujukan P.U (A) 135. Daripada pertuduhan dan pengharaman karya Kassim Ahmad, para ilmuan Islam telah mengadakan sesi dialog sejak tahun 1986 lagi. Di antaranya dialog yang dianjurkan oleh pihak Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada 28 Jun 1986 (Muhammad Arif, 2018).

Pada tahun 2014 pula, beliau telah muncul kembali dengan membentangkan beberapa pendapat politik beliau yang mempunyai elemen-elemen anti hadis. Pendapat-pendapat beliau dibentangkan semasa memberi ucapan dalam ucap-tama Seminar Pemikiran Dr. Kassim Ahmad: Satu Penilaian di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya pada 15-16 Februari 2014. Ucapan yang telah beliau sampaikan bertajuk 'Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Untuk Menentukan Hala Tuju Negara Malaya Untuk Tiga Puluh Tahun Akan Datang' (Kassim Ahmad, 2014; Wan Mohd Fazrul Azdi, Mohd Rumaizuddin, Mohd Azhar & Fikri, 2015). Dalam ucapan tersebut juga, beliau telah memetik karya-karya beliau yang telah diharamkan sebagai rujukan (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual), April 25, 2015).

Kesan kepada pemikiran beliau yang menolak hadis sebagai sumber akidah dan perundangan Islam akan menatijahkan umat Islam tidak berada pada landasan agama yang lurus. Ini kerana al-Quran dan hadis merupakan rujukan utama umat Islam sebagaimana yang telah dijelaskan pada muka surat 9. Menurut Zulkifli (2014), peranan hadis untuk menjelaskan kewajipan dalam al-Quran. Al-Quran menyatakan kewajipan solat secara umum dan hadis yang menerangkannya secara terperinci cara-cara pelaksanaannya, begitu juga dalam pelaksanaan ibadat haji. Terdapat juga beberapa pensyariatkan hukum yang tidak terdapat dalam al-Quran seperti hukum memakai cincin emas dan sutera bagi lelaki yang disyariatkan melalui hadis.

Dengan pertuduhan anti hadis terhadap beliau dan pewartaan fatwa terhadap karya-karya beliau, ramai pengkaji mula mengkaji pemikiran beliau. Di antara kajian yang telah dijalankan lebih tertumpu kepada pemikiran beliau mengenai hadis sebagai sumber hukum (Wan Ismail, 2004), penilaian elemen-elemen anti hadis dalam ucapan beliau pada 16 Februari 2014 (Wan Mohd Fazrul Azdi, Mohd Rumaizuddin, Mohd Azhar & Fikri, 2015), kajian yang memfokus kepada karya beliau iaitu Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik (Muhammad Azizan & Noor Shakirah, 2016) dan Hadis: Satu Penilaian Semula (Zikri, 2009) dan kajian perbandingan terhadap metode yang beliau gunakan dalam kajian

hadis dengan metode ilmiah para ulama hadis (Mohd Norzi, Rosni, Abur Hamdi, Suriani, Zanariah, Sakinah & Azman, 2016).

Walaupun telah banyak kajian lepas yang dijalankan bagi mengkaji pemikiran beliau, namun kebanyakannya hanya memfokus kepada persoalan hadis sahaja. Bermula daripada pandangan beliau mengenai peranan hadis sebagai sumber hukum dalam Islam, penilaian dan kritik terhadap idea-idea beliau dan jawapan-jawapan ilmiah bagi menjawab idea-idea beliau dalam perkara agama dengan penolakan beliau terhadap hadis sebagai sumber hukum. Justeru itu, satu kajian akan dijalankan bagi melebarkan skop kajian dengan menumpukan kepada persoalan tafsir, hujah beliau menolak hadis dan pandangan beliau berhubung dengan perkara-perkara *ghaibiyat*.

Persoalan tafsir ingin dikaji kerana tafsir dan hadis suatu gandingan yang kuat di mana hadis berfungsi untuk menjelaskan dan menerangkan ayat-ayat al-Quran. Hadis menjelaskan yang *mujmal*, mengikat yang mutlak, mengkhususkan yang umum, menjelaskan yang samar dan membawa hukum baru yang tidak disebutkan dalam al-Quran (Asmawi, 2003; Faisal, 2016). Walaupun dalam kajian ini turut memfokuskan kepada persoalan hadis, namun kajian ini tidak menyentuh soal pandangan beliau terhadap hadis sebagai sumber hukum seperti dapatan kajian lepas tetapi persoalan yang ingin dikaji adalah mengapa beliau menolak hadis sebagai sumber hukum. Seterusnya, kajian ini akan mengkaji pandangan beliau berhubung dengan perkara-perkara *ghaibiyat*. Perkara-perkara *ghaibiyat* atau *sam'iyat* adalah perkara yang tidak dapat ditanggapi dengan akal, pengetahuan dan deria yang terbatas. Perkara-perkara ini hanya dapat diketahui melalui al-Quran secara umum dan ada yang dinyatakan secara terperinci tetapi hadis-hadis Rasulullah SAW membicarakan secara lebih jelas (al-Qaradawi, 2000).

Dalam kajian-kajian lepas kebanyakannya hanya menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan merujuk karya-karya beliau terutamanya buku 'Hadis: Satu Penilaian Semula' dan 'Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik'. Terdapat juga kajian lepas yang merujuk kepada tulisan daripada laman blog beliau. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan kaedah temu bual mendalam secara bersemuka bagi mendapatkan pandangan beliau tentang persoalan tafsir, hujah mengapa beliau menolak hadis dan pandangan beliau berhubung dengan perkara-perkara *ghaibiyat*. Dengan kaedah ini, kajian ini menyumbang kepada kelainan dalam mengkaji pemikiran beliau iaitu mendapatkan pandangan beliau daripada sumber primer secara temu bual bersemuka.

### 1.3 Fokus Kajian

Fokus kajian ialah untuk menganalisis dan membincangkan pemikiran Kassim Ahmad mengenai Islam. Di samping itu, kajian ini akan membincangkan kaedah yang beliau gunakan untuk menafsir al-Quran, menganalisis hujah-hujah beliau menolak hadis sebagai sumber akidah dan perundangan Islam dan menilai pandangan beliau berhubung dengan perkara-perkara *ghaibiyat*.

### 1.4 Objektif Kajian

Objektif Am:

Mengkaji elemen-elemen yang terdapat dalam pemikiran Kassim Ahmad mengenai Islam

Objektif Khusus:

1. Membincangkan kaedah yang digunakan oleh Kassim Ahmad dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran
2. Menganalisis hujah-hujah yang digunakan oleh Kassim Ahmad dalam mempertikaikan hadis
3. Menilai pandangan Kassim Ahmad berhubung dengan perkara-perkara *ghaibiyat*

### 1.5 Persoalan Kajian

Persoalan-persoalan yang dikaji dalam kajian ini ialah:

1. Bagaimanakah kaedah yang digunakan oleh Kassim Ahmad dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran dan kaedah ulama tafsir dalam bidang tafsir?
2. Apakah hujah-hujah yang digunakan oleh Kassim Ahmad dalam mempertikaikan hadis dan pandangan sarjana hadis berkenaan dengan keautoritian hadis?
3. Apakah pandangan Kassim Ahmad berhubung dengan perkara-perkara *ghaibiyat* dan pandangan ulama berkenaan dengan perkara tersebut?



## 1.6 Skop Dan Limitasi Kajian

Islam sebagaimana hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Muslim seperti yang dinyatakan pada muka surat 2 terdiri daripada penyaksian tiada Tuhan melainkan Allah SWT dan Muhammad pesuruh Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan menunaikan haji. Bagi melaksanakan semua ini, perlu merujuk kepada sumber ilmu utama dalam Islam iaitu al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Oleh itu, kajian ini menumpukan kepada kaedah memahami kandungan al-Quran (tafsir), keautoritian hadis sebagai sumber ilmu selepas al-Quran dan perkara-perkara *ghaibiyat* yang tidak dapat diketahui melalui pancaindera dan akal melainkan hanya daripada al-Quran dan hadis sahaja.

Pemikiran Kassim Ahmad mengenai perkara asas (keimanan kepada Allah SWT, kerasulan, perkara *ghaib* dan sebagainya) dan *furu'* (ibadat, hukum-hakam, muamalat dan sebagainya) dalam Islam hanya merujuk kepada al-Quran dan akal sahaja dengan menolak hadis sebagai rujukan. Menurut Kassim Ahmad (1992), ayat-ayat al-Quran menjelaskan di antara satu ayat dengan ayat-ayat yang lain. Maksud ayat yang tidak jelas atau kurang jelas akan dijelaskan dalam ayat-ayat yang lain. Oleh itu, kajian ini akan memberikan tumpuan kepada kaedah yang digunakan oleh Kassim Ahmad dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran, hujah-hujah yang digunakan oleh Kassim Ahmad dalam mempertikaikan hadis dan pandangan Kassim Ahmad berhubung dengan perkara *ghaibiyat*.

Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan temu bual sebagai kaedah pengumpulan data dan disokong oleh dokumen (sumber primer daripada penulisan beliau). Di samping itu, rujukan daripada sarjana dan ulama Islam digunakan sebagai perbandingan terhadap pandangan-pandangan yang dikemukakan beliau.

## 1.7 Definisi Istilah

### Pemikiran

Menurut Kamus Dewan (2007: 411), pemikiran bermaksud “perihal berfikir (memikir)”. Pemikiran ialah proses menggunakan minda untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, menerokai pelbagai kemungkinan idea atau ciptaan dan membuat pertimbangan yang wajar, bagi membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dan seterusnya membuat refleksi dan metakognisi terhadap proses yang dialami (Modul Latihan Guru Sekolah Bestari, 2020).

Dalam konteks kajian ini, pemikiran ialah suatu proses berfikir menggunakan akal mengenai sesuatu permasalahan dan membuat kesimpulan daripadanya untuk mendapatkan penyelesaian kepada permasalahan tersebut.

### **Tafsir**

Tafsir menurut al-Zarkasyi (2006), merupakan ilmu untuk memahami al-Quran yang diturunkan kepada Rasulullah SAW, untuk menerangkan makna-maknanya serta mengeluarkan hukum-hukum dan hikmah daripadanya. Menurut Denffer (2003), tafsir merupakan penerangan dan penjelasan yang menumpukan kepada ilmu dan pemahaman daripada al-Quran, untuk menjelaskan maknanya, mengeluarkan hukum-hukum daripadanya dan berpegang dengan asas-asasnya.

Maksud tafsir dalam konteks kajian ini adalah salah satu ilmu dalam ilmu-ilmu Islam untuk memahami kandungan ayat-ayat al-Quran, berpegang dengan segala hukum yang terkandung di dalamnya dan mengamalkan ajaran-ajarannya.

### **Hadis**

Hadis merupakan sesuatu yang disandarkan kepada diri Rasulullah SAW yang berupa perkataan, perbuatan, ikrar untuk dijadikan sumber hukum (Asmawi, 2003). Menurut al-A'zami (2010), hadis merupakan periwayatan autoriti Rasulullah SAW daripada sudut perbuatan, perkataan, pengakuan dan sifat diri Baginda. Akan tetapi sifat diri Baginda tidak termasuk ke dalam sumber hukum Islam.

Hadis dalam kajian ini merujuk kepada periwayatan apa-apa yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan (*taqrir*) yang daripadanya dijadikan sumber hukum dalam Islam.

### **Anti Hadis**

Anti hadis adalah sebuah aliran pemikiran yang menolak hadis sebagai sumber hukum dengan hanya menerima al-Quran sahaja dan menolak hadis yang telah dibuktikan kesahihannya oleh ulama hadis (Umar, 2013). Menurut Zulkifli (2014) golongan anti hadis merupakan golongan yang menentang sunnah dan hanya berpegang kepada al-Quran semata-mata dengan pelbagai sangkaan dan dakwaan.

Dalam konteks kajian yang dijalankan ini, anti hadis merujuk kepada satu aliran pemikiran sebahagian umat Islam yang hanya merujuk kepada al-Quran semata-mata dan menolak keautoritian hadis yang telah dibuktikan kesahihannya oleh ulama hadis sebagai sumber hukum dalam Islam.

### **Perkara-perkara *Ghaibiyat***

Perkara-perkara *Ghaibiyat* atau dikenali juga sebagai *Sam'iyat* merupakan perkhawaran terhadap perkara-perkara ghaib (tidak dapat diketahui melalui pancaindera) yang hanya disampaikan melalui wahyu Allah SWT dalam al-Quran dan sunnah. Contohnya hari akhirat, Malaikat, alam barzakh dan sebagainya (Mohd Aizam, 2015). Menurut al-Zuhaily (2007a), perkara-perkara *ghaibiyat* adalah apa-apa perkara yang berada disebalik kewujudan material di alam lain, disampaikan oleh al-Quran seperti kewujudan dan keEsaan Allah SWT, malaikat, ruh, hari akhirat, syurga, neraka dan sebagainya, tidak hanya perkara yang dapat dirasai oleh pancaindera atau akal sahaja.

Perkara-perkara *ghaibiyat* dalam konteks kajian ini bermaksud perkara yang wujud disebalik kewujudan perkara-perkara yang zahir yang hanya dapat diketahui melalui perkhawaran al-Quran atau hadis. Kewujudannya tidak dapat diketahui sama sekali melalui pancaindera dan akal yang sihat. Contohnya kewujudan Allah SWT, hari kiamat, ruh, alam barzakh dan sebagainya.

### **1.8 Kepentingan Kajian**

Hasil kajian ini akan membuat kesimpulan berkaitan dengan pemikiran Kassim Ahmad mengenai Islam. Pentingnya kajian ini merangkumi dua aspek iaitu teori dan praktikal. Dari sudut teori, hasil kajian ini akan dapat menambah ilmu pengetahuan tentang pemikiran-pemikiran yang jelas bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam yang diamalkan oleh majoriti umat Islam di seluruh dunia amnya dan di Malaysia khususnya. Ini dapat mengelakkan umat Islam khususnya daripada terpengaruh dan berpegang dengan ajaran-ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam tersebut. Oleh itu, adalah diharapkan agar kajian ini akan menjadi panduan bagi umat Islam untuk memastikan sumber ilmu yang sahih tentang ajaran-ajaran Islam dan dapat mengamalkannya bagi mendapat kerediaan Allah SWT.

Dari segi praktikalnya, kajian ini akan membolehkan pihak berkuasa agama (JAKIM, jabatan agama Islam negeri-negeri dan jabatan mufti negeri-negeri) dapat menilai secara berkesan tentang pemikiran beliau bagi membolehkan tindakan susulan diambil bagi menangani penyebaran pemikiran beliau dalam kalangan masyarakat Islam awam. Ini dapat dilakukan dengan penyediaan teks khutbah yang berkaitan dengan pemikiran beliau, ceramah agama,

penulisan artikel, pamflet, dan buku. Di samping itu, hasil kajian ini juga boleh digunakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memantapkan lagi kurikulum subjek Pendidikan Islam sekolah-sekolah menengah dan institusi-institusi pengajian tinggi bagi mengelakkan para pelajar terpengaruh dengan pemikiran yang jelas bertentangan dengan Islam.

Di samping itu, kajian ini juga diharap akan dapat dimanfaatkan oleh umat Islam khususnya dalam memahami pengaruh-pengaruh luar yang telah menyelewengkan ajaran-ajaran Islam agar dapat menghayati dan mengamalkan ajaran Islam berpandukan kepada pegangan *Ahlus Sunnah Wal Jamaah* yang menjadikan hadis sebagai sumber akidah dan perundangan selepas al-Quran. Akhir sekali, hasil kajian ini diharap dapat memberi inspirasi dan idea kepada pengkaji akan datang dalam membuat kajian yang berkaitan dengan pemikiran Islam di Malaysia.

## 1.9 Ringkasan

Sumber ilmu utama dalam ajaran Islam terdiri daripada al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW seperti mana yang telah dipersetujui oleh majoriti umat Islam. Walaupun majoriti umat Islam bersepakat sunnah sebagai sumber ilmu utama selepas al-Quran, namun terdapat segolongan umat Islam yang mempertikaikannya. Golongan ini dikenali sebagai golongan anti hadis. Pemikiran golongan ini bukan merupakan sesuatu yang baru dalam dunia Islam tetapi sudah bermula semenjak zaman sahabat lagi, seterusnya berkembang pada zaman *tabi'in* dan sehingga ke hari ini.

Di Malaysia, golongan ini bernaung di bawah kumpulan yang menggelarkan diri mereka sebagai Jama'ah Ahl al-Quran (JAM) yang kemudiannya dikenali sebagai Forum Iqra' yang telah ditubuhkan pada 11 Jun 1995, dipimpin oleh Kassim Ahmad. Berasaskan kepada karya-karya beliau yang telah diharamkan dan ucapan beliau yang berunsur anti hadis, maka satu perkara yang penting untuk diteroka pemikiran beliau mengenai Islam terutamanya pandangan beliau terhadap hadis.

Dalam melakukan penerokaan pemikiran beliau mengenai Islam, beberapa objektif kajian yang khusus telah dikenal pasti. Di antaranya, pertama; membincangkan kaedah yang digunakan oleh Kassim Ahmad dalam menafsirkan ayat-ayat Al-Quran, kedua; menganalisis hujah-hujah yang digunakan oleh Kassim Ahmad dalam mempertikaikan hadis dan ketiga; menilai pandangan Kassim Ahmad berhubung dengan perkara-perkara *ghaibiyat*.

## BIBLIOGRAFI

- Abd. Latif Muda & Rosmawati Ali @Mat Zin (1997). *Pengantar Usul Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Abdul Halim Mahmud, al-Sheikh (2000). *Islam & Akal (terj.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Karim Ali (2007a). Antihadis: Rujukan Kepada Kitab Jima' al-'Ilm. Dlm. Ishak Hj. Sulieman et. al. (Peny.), *Autoriti Hadis: Menangani Gerakan Antihadis* (hlm. 145-150). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- (2007b). Metode Imam Al-Syafii dan Ulama di Malaysia Dalam Menangani Golongan Yang Mempertikaikan Hadis: Satu Perbandingan. Dlm. Ishak Hj. Sulieman et. al. (Peny.), *Autoriti Hadis: Menangani Gerakan Antihadis* (hlm. 151-162). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali @Mat Zin (2007). *Perbahasan Akidah Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Ahmad Sanusi Azmi, Mohd Yusuf Ismail & Zulhilmi Mohamed Nor (2011). Gerakan Anti Hadith Moden: Kajian Terhadap Penyebaran Pemikiran Melalui Internet. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 24, 185-204.
- Ahmad Sunawari Long (2014). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Zaki Abd. Latiff, Abd. Nasir Hj. Musa & Mohd. Yusof Yusak (2006). *Pemikiran Islam Semasa*. Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn. Bhd.
- Akmal Mhd. Zain (1998). *Membongkar Kekeliruan Firqah Inkar al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-A'zami, M. Mustafa (2010). *Studies In Hadith Methodology And Literature (Revised Edition)*. Petaling Jaya: Islamic Book Trust.
- Al-Bukhari, Abi Abdillah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin Bardizbah (1424H/2003M). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Jauziah, Ibnu Qayyim (2015). *Roh: Menelusuri Pencerahan Alam Roh (terj.)*. Batu Caves: al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd.
- Al-Khin, Mustofa, al-Bugho, Mustofa & asy-Syarbaji, Ali (1998). *Kitab Fikah Mazhab Syafie (terj.)*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Al-Naysaburi, Abi al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi (2003). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-Qaradawi, Yusuf (2000). *Sunnah: Sumber Ilmu dan Peradaban*. Gombak: International Institute of Islamic Thought.
- Al-Qardhawi, Muhammad Yusuf (2014). *Halal & Haram Dalam Islam (terj.)*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar Sdn. Bhd.
- Al-Qaththan, Manna' (2006). *Pengantar Studi Ilmu al-Quran (terj.)*. Jakarta Timur: Pustaka al-Kautsar.
- Al-Quran dan Terjemahan (1996). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Al-Sajastani, Abi Daud Sulaiman Bin al-Asy'ath (2001). *Sunan Abi Daud*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Syafi'i, al-Imam Muhammad bin Idris (2010). *al-Risalah*. Beirut: Dar al-Nafaes.
- Al-Tabari, Abi Ja'afar Muhammad bin Jarir (2005a). *Jami' al-Bayan 'An Ta'wil Ayi al-Quran Jilid 1*. Beirut: Dar al-Fikr.
- (2005b). *Jami' al-Bayan 'An Ta'wil Ayi al-Quran Jilid 10*. Beirut: Dar al-Fikr.
- (2005c). *Jami' al-Bayan 'An Ta'wil Ayi al-Quran Jilid 11*. Beirut: Dar al-Fikr.
- (2005d). *Jami' al-Bayan 'An Ta'wil Ayi al-Quran Jilid 12*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Tirmizi, al-Imam Abi 'Isa Muhammad bin 'Isa (1999). *Jami' al-Tirmizi*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Al-'Utsaimin, Muhammad bin Shalih (2005). *Pengenalan Ringkas Kepada Ilmu Ushul al-Tafsir (terj.)*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Al-Zarkasyi, al-Imam Badriddin Muhammad bin Abdullah (2006). *Al-Burhan Fi 'Ulum al-Quran*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Zuhaili, Wahbah (2005a). *Fiqh dan Perundangan Islam: Jilid 1 (terj.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (2005b). *Fiqh dan Perundangan Islam: Jilid 2 (terj.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Zuhaily, Wahbah (2007a). *Tafsir al-Munir Juz 1 (terj.)*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication & Persatuan Ulama Malaysia.
- (2007b). *Tafsir al-Munir Juz 2 (terj.)*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication & Persatuan Ulama Malaysia.

(2007c). *Tafsir al-Munir Juz 3 (terj.)*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication & Persatuan Ulama Malaysia.

Ar-Rahawan, Muhammad Saeed Mitwally (2012). *The Science of Hadith Terminology and Classification*. Riyadh: International Islamic Publishing House.

Asmawi Haji Ehsan (2003). *Ilmu Hadith: Hadith Sebagai Sumber Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asyraf Wajdi Dusuki (2015). Pelaksanaan Hudud di Malaysia: Satu Tinjauan. Dlm. Asyraf Wajdi Dusuki (Peny.), *Pelaksanaan Hudud di Malaysia: Satu Analisis: Himpunan Kertas Kerja Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan 2014* (hlm. ix-xxiii). Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Asy-Syafi'i, Abi Abdullah Muhammad Bin Idris (2000). *Al-Umm (Kitab Induk) Jilid 1 (terj.)*. Kuala Lumpur: Victory Agencie.

Azmil Zainal Abidin (2009). Agenda Sekularisasi di Sebalik Pemikiran Anti-Hadis dan Islam Liberal: Suatu Kupasan Epistemologikal. Dlm. Abdul Karim Ali & Mohd Roslan Mohd Nor (Peny.), *Islam Liberal: Isu dan Cabaran* (hlm. 137-155). Petaling Jaya: Persatuan Ulama' Malaysia.

Az-Zindani, Abdul Majid Aziz (2004). *Kitab Tauhid (terj.)*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Badmas 'Lanre Yusuf (2009). *Sayyid Qutb: A study of His Tafsir*. Petaling Jaya: Islamic Book Trust.

Berita Harian Online. Dilayari pada 6 Disember 2018 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/10/335467/kassim-ahmad-meninggal-dunia>.

Bryman, A. (2004). *Social Research Methods: Second Edition*. New York: Oxford University Press Inc.

Chua Yan Piaw (2011). *Kaedah Penyelidikan: Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Deden Suparman (2003). *Anti Hadis dan Engkar Sunnah: Suatu Kajian Perbandingan Antara Malaysia dan Indonesia*. (Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan). Universiti Malaya, Malaysia.

Denffer, Ahmad Von (2003). *Ulum al-Qur'an: An Introduction to the Sciences of the Qur'an*. Leicestershire: The Islamic Foundation.

Faisal Ahmad Shah (2016). *Kaedah Tepat Memahami Hadis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Farahwahida Mohd. Yusof (2007). *Aliran Kepercayaan: Sejarah dan Perkembangannya di Malaysia*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Faridi, Shah Shahidullah (2008). The Fallacies of Anti-Hadith Arguments. Dlm. P. K. Koya (Peny.), *Hadith and Sunnah: Ideals and Realities* (hlm. 190-209). Selangor: Islamic Book Trust.
- Fathiyah Fakhruddin (2010). *Penerapan Elemen Falsafah Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Lembah Klang*. (Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.
- Habeeb Rahman Ibramsa (2006). Pemikiran Anti Hadis dan Perkembangan Semasa. Dlm. Haziyah Hussin et. al. (Peny.), *Kelangsungan Pengajian Hadis: Cabaran dan Masa Depan* (hlm. 65-109). Selangor: Jabatan al-Quran & al-Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Hafiz Firdaus Abdullah (2005). *20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Hamdeh, Emad (2011). *The Necessity of The Hadith in Islam*. Riyadh: International Islamic Publishing House.
- Hesse-Biber, S. N. & Leavy, P. (2006). *The Practice of Qualitative Research*. Thousand Oaks: Sage Publications, Inc.
- Ibn al-Jauzi, Jamal al-Din Abu al-Farj (2007). *Talbis Iblis*. Kaherah: Maktabah al-Rihab.
- Ibn Kathir (2007). *Tafsir Ibnu Katsir: Jilid 6 (terj.)*. Bogor: Pustaka Imam asy-Syafi'i.
- Ibn Khaldun (2006). *Mukadimah Ibn Khaldun (terj.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Suliaman (2009). Liberalisme Dalam Anti Hadith di Indonesia dan Malaysia. Dlm. Abdul Karim Ali & Mohd Roslan Mohd Nor (Peny.), *Islam Liberal: Isu dan Cabaran* (hlm. 111-135). Petaling Jaya: Persatuan Ulama' Malaysia.
- Ishak Suliaman & Mohd Murshidi Mohd Noor (2015). *Fiqh dan Ijtihad Imam al-Bukhari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Joni Tamkin Borhan (2006). Pemikiran Syeikh Ahmad al-Fathani Dalam Ekonomi Islam. Dlm. Mohd Fauzi Hamat et. al. (Peny.), *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa* (hlm. 195-212). Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



- Juhaidi Yean Abdullah (September/Oktober 2013). Ajaran Gila, Sesat & Membahayakan. *Dakwah*, 6-10.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad (1992). *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik*. Kuala Lumpur: Media Indah Sdn. Bhd.
- (1997). *Hadith: A Re-Evaluation (trans.)*. Tucson: Monotheist Productions International. Dilayari pada 15 Januari 2020 daripada [https://kupdf.net/download/hadith-satu-penilaian-semula-english\\_59bdd2b708bbc50011686e8d\\_pdf](https://kupdf.net/download/hadith-satu-penilaian-semula-english_59bdd2b708bbc50011686e8d_pdf).
- (2002a). *Dilema Umat Islam – Antara Hadis dan Quran*. Pulau Pinang: Forum Iqra' Berhad.
- (2002b). *Kontroversi Hukum Hudud*. Pulau Pinang: Forum Iqra' Berhad.
- (2008). *Mencari Jalan Pulang: Daripada Sosialisme Kepada Islam*. Petaling Jaya: ZI Publications Sdn. Bhd.
- (2014). Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional. Dilayari pada 22 April 2014 daripada <http://kassimahmad.blogspot.com/>
- Khalif Muammar A. Harris (2015). *Islam dan Pluralisme Agama: Memperkukuh Tauhid Pada Zaman Kekeliruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laman Web Jema'ah Al-Quran Malaysia. Dilayari pada 14 Februari 2014 daripada <http://kas1728393.tripod.com/jamhp3.htm>
- Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor. Dilayari pada 8 Januari 2019 daripada <http://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/fatwa-tahunan/pewartaan/1995-1999/74-fatwa-tentang-golongan-anti-hadith>.
- Leedy, P. D. & Ormrod, J. E. (2013). *Practical Research: Planning and Design*. New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Long Kechik (2003). *Pemikiran Yusof al-Qardawi Terhadap Peradaban Manusia*. (Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan). Universiti Malaya, Malaysia.
- Mahfodz Mohamed (2015). Hudud Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah. Dim. Asyraf Wajdi Dusuki (Peny.), *Pelaksanaan Hudud di Malaysia: Satu*

*Analisis: Himpunan Kertas Kerja Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan 2014* (hlm. 1-21). Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Mahmood Zuhdi Ab Majid & Paizah Ismail (2006). *Pengantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation Sdn. Bhd.

Majlis Agama Islam Selangor (2015). *Umat Islam & Cabaran Pasca Modenisme*. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Malik Bin Anas (1997). *al-Muwatta'*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Mat Saad Abd. Rahman (1986). Sumber dan Prinsip Ketatanegaraan dan Perlembagaan Islam. Dlm. Mohd. Nasir Omar. (Peny.), *Tamadun Islam dan Ideologi-ideologi Masa Kini*. Selangor: Penerbitan Nadhi (hlm. 54-71).

Md Hasri Rajali (2016). Sejarah Pemikiran Jema'ah Al-Quran Malaysia: Suatu Penilaian Terhadap Risalah Siaran Iqra' Dari Tahun 1993-an Hingga Tahun 1995-an. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(1), 115-125.

Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education: Revised and Expanded From Case Study Research in Education*. San Francisco: Jossey-Bass.

Modul Latihan Guru Sekolah Bestari. Dilayari pada 29 Januari 2020 daripada <http://mahirkbkk.tripod.com/>

Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid, Mat Zain Ab. Ghani & Hasan Jali (2010). *Ibnu Taimiyah: Perjuangan & Pemikirannya Memurnikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Aizam Mas'od (2015). *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Mohd al-Ikhsan Ghazali & Faisal Ahmad Shah (2010). Penyelewengan Aliran Pemikiran Moden: Tumpuan Terhadap Kekeliruan dan Kecelaruhan Pemahaman Mereka Terhadap Isu-isu Dalam Islam. *Jurnal Usuluddin*, 31, 65-78.

Mohd Al'ikhsan Ghazali, Siti Salwa Md. Sawari & Mohamad Muntaha Saleh (2015). Penyebaran Fahaman Anti Hadis Dan Kesannya Terhadap Akhlak. Dlm. *Proceeding National Research Seminar* (hlm. 320-328). Tanjung Malim: Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Mohd Azmi Mat Sah (2009). *Inovasi Pendakwaan Dalam Memantapkan Pendidikan Dewasa di Malaysia*. (Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Farid Mohd Shahrhan (2014). *Akidah dan Pemikiran Islam: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Mohd. Lazim Lawee (2004). *Penyelewengan Jemaah al-Arqaam dan Usaha Pemurniannya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Norzi Nasir, Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Suriani Sudi, Zanariah Ismail, Sakinah Salleh & Azman Abdul Rahman (2016). Metode Kassim Ahmad Dalam Kajian Hadis: Satu Penilaian Dalam Timbangan Metode Ilmiah Ulama Hadis. *Jurnal Hadis*, 11, 49-69.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali (2012). *Pemikiran Muhammad al-Ghazali Dalam Bidang al-Quran dan al-Sunah*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Mohd. Zaidi Abdullah (2012). *Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal-Jamaah: Satu Keluhuran dan Kemurnian Pegangan Hidup*. Shah Alam: Akademi 'Ulum Pondok dan Pencerahan Tamadun.
- Muhammad Arif Yahya (2018). Pemikiran Anti Hadis dan Cabaran Ilmuwan Usuluddin di Malaysia. Dlm. Wan Fariza Alyati Wan Zakaria et. al. (Peny.), *Prosiding Ilmuwan Usuluddin di Malaysia: Memperkasa Pembangunan Negara dan Perpaduan Ummah* (hlm. 106-110). Kuala Lumpur: Pertubuhan Kearifan Islam Malaysia (OMIW).
- Muhammad Azizan & Noor Shakirah Mat Akhir (2016). Reaksi Terhadap Pemikiran Anti Hadis Berdasarkan Karya Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik. *Afkar*, 18(Special Issue), 73-88.
- Muhammad Muhammad, Abu Syahbah (2014). *Isra'iliyyat dan Hadith Palsu Dalam Kitab-kitab Tafsir. Edisi Baharu (terj.)*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Muhammad Mutawalli Sya'rawi (2004). *Mu'jizat al-Quran (terj.)*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Nahmar Jamil (1986). *Dari Kod 19 Kepada Anti Hadis*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan.
- Najah Nadiyah Amran (2006). Diayah Anti Hadis Dalam Internet. Dlm. Haziyah Hussin et. al. (Peny.), *Kelangsungan Pengajian Hadis: Cabaran dan Masa Depan* (hlm. 111-129). Selangor: Jabatan al-Quran & al-Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Nasr, Seyyed Hossein (2003). *Islam: Religion, History and Civilization*. Lahore: Suhail Academy.

- (2007). *Islamic Philosophy From Its Origin To The Present: Philosophy in the Land of Prophecy*. Lahore: Suhail Academy.
- Neuman, W. L. (2006). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches (Sixth Edition)*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Philips, Abu Ameenah Bilal (2005). *Usool at-Tafseer: The Methodology of Qur'anic Interpretation*. Riyadh: International Islamic Publishing House.
- (2007). *Usool al-Hadeeth: The Methodology of Hadith Evaluation*. Riyadh: International Islamic Publishing House.
- Qamaruddin Shaleh, Dahlan & Dahlan (1985). *Asbabun Nuzul: Latar Belakang Historis Turunnya Ayat-ayat Alquran*. Bandung: Penerbit cv.
- Rosmawati Ali @Mat Zin (2007). *Perbahasan Kehujahan Hadis Dalam Akidah dan Syariah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Sayyid Qutb (2000). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an: Di Bawah Bayangan al-Quran*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Senarai Judul Bahan Penerbitan Berunsur Islam Yang Diwartakan Perintah Larangan Hingga 2013 (2014). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Sidi Gazalba (1981). *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi (2016). *Qualitative Research, Interview Analysis and Nvivo11 Exploration*. Kuala Lumpur: ARAS Publisher.
- Sumber Maklumat al-Ahkam al-Fiqhiyyah. Dilayari pada 8 Januari 2019 daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1>.
- Surtahman Kastin Hasan & Norfadzilah Ahmad (2004). Pemikiran Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Ekonomi. *Jurnal Usuluddin*, 20, 69-88.
- Umar Muhammad Noor (No. 24/2013). Menjawab Kekeliruan Aliran Antihadis. *al-Ustaz*, 21-25.
- Utusan Online. Dilayari pada 6 Disember 2018 daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kassim-ahmad-meninggal-1.536116>.
- Wan Ismail Muhammad (2004). *Pandangan Kassim Ahmad Tentang Hadith Sebagai Salah Satu Sumber Hukum*. (Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan). Universiti Malaya, Malaysia.

Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Mohd Rumaizuddin Ghazali, Mohd Azhar Ibrahim Resedi & Fikri Muharam (2015). Elemen Anti Hadis Dalam Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Oleh Kassim Ahmad: Satu Penilaian. *Al-'Abqari Journal*, 6, 7-34.

Zakaria @ Mahmod Daud (2014). *Muhammad Ibn Abd al-Wahhab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zakaria Stapa (1997). Kepercayaan Kepada Yang Ghaib: Tumpuan Khusus Kepada Peranan Makhluk Jin Dalam Kehidupan Makhluk Manusia. *Jurnal Usuluddin*, 7, 47-74.

Zikri Darussamin (2009). Kassim Ahmad Pelopor Inkar Sunnah di Malaysia. *AlFikra: Jurnal Ilmiah Keislaman*, 8(1), 1-34.

Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2010). *Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili: 'Alim Rabbani, Usuli, Faqih dan Mufassir*. Selangor: Darul Syakir Enterprise.

(2013). *Istilah-istilah Fiqah dan Usul: Empat Mazhab*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

(2014). *Anti Hadis: Inilah Jawapannya*. Bandar Baru Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.

#### **Temu bual dan Komunikasi Personal (Emel)**

Temu bual bersama Kassim Ahmad di 1504, Persiaran Kulim Golf, Kulim Golf & Country Resort, 09000 Kulim, Kedah pada 25 April 2015 jam 2.00 petang.

Komunikasi personal (emel) pada 1 Mac 2016.

## BIODATA PELAJAR

Izwan Bin Mohd Ali dilahirkan di Kampung Telok Menegon, Klang Selangor. Beliau memulakan pelajaran peringkat rendah di Sekolah Kebangsaan Telok Menegon, Klang seterusnya ke peringkat menengah di Sekolah Menengah La Salle, Klang. Kemudian beliau melanjutkan pengajian ke peringkat Matrikulasi Sains Fizik dan seterusnya pada tahun 2003 berjaya menamatkan pengajian peringkat ijazah Bachelo Sains (Pembangunan Manusia), kedua-duanya di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor. Beliau memulakan kerjaya awal sebagai Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) di Sekolah Kebangsaan Telok Menegon, Klang selama 2 tahun. Kemudian beliau menjadi tenaga pengajar di Sekolah Menengah Hafiz, Klang selama 3 tahun dan di Sekolah Rendah Sri KDU selama 3 tahun. Beliau juga merupakan seorang guru al-Quran yang terlibat mengajar kelas dewasa. Pelajar-pelajar beliau berumur di sekitar 20 hingga 60 tahun. Beliau telah mendapat sanad pengajian al-Quran *Riwayat Syu'bah dan Hafs 'An 'Asim Toriq As-Syatibiyah*. Dalam bidang penulisan, beliau juga aktif menyumbang artikel-artikel kepada Majalah Dewan Tamadun Islam dan Majalah Dakwah. Di samping itu, beliau turut menulis khutbah dan menyertai kursus-kursus penulisan khutbah yang dianjurkan oleh Seksyen Khutbah, Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Beliau juga menyertai seminar-seminar yang dianjurkan oleh pihak universiti dan badan bukan kerajaan (NGO) sebagai peserta dan pembentang. Pada tahun 2012 beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Nur Munirah Binti Md Rasul dan dikurniakan dengan dua orang cahaya mata kesayangan, Aliyya Tihani dan Aliyya Maisara.

## PENERBITAN

Izwan Mohd. Ali (2017). Kassim Ahmad dan Anti Hadis: Satu Kritikan Terhadap Latar Belakang Pendidikan. *Kertas kerja dibentangkan dalam Bengkel Pendidikan Islam Nasional 2017 di Hotel Putra, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Anjuran Kluster Pendidikan, Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 17 Januari 2017.*

Izwan Mohd Ali, Amini Amir Abdullah & Fathiyah Mohd. Fakhruddin (2019). Kassim Ahmad dan Pemikiran Anti Hadis. *Jurnal al-Anwar*, 7, 1-19.





## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : Semester Kedua 2019/2020

#### TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

PEMIKIRAN KASSIM AHMAD MENGENAI ISLAM

#### NAMA PELAJAR : IZWAN BIN MOHD ALI

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (v )

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

**PATEN**

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

**Pengesahan oleh:**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar)  
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)  
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]